

GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN
ANUGERAH KETERLIBATAN INDUSTRI

KRITERIA/SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarat permohonan (Kategori Staf Akademik)

1. Pencalonan dibuka kepada semua staf akademik di Fakulti, Bahagian atau Unit (Calon boleh mencalonkan diri sendiri atau dicalonkan oleh rakan sekerja dan Ketua Jabatan) di Universiti Teknologi Malaysia.
2. Calon yang diperaku mestilah bekerjasama secara aktif dengan pihak industri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan.
3. Pencalonan adalah berdasarkan aktiviti keterlibatan industri yang dijalankan pada bagi tempoh antara 2019 sehingga tahun 2021 sahaja.
4. Penganugerahan/penghargaan yang diterima dari mana-mana pihak merupakan satu kelebihan kepada calon.
5. Calon hendaklah mengisi borang penyertaan Anugerah Keterlibatan Industri dan perlu mendapat perakuan dari Ketua Jabatan/PTJ masing-masing.
6. Setiap pencalonan perlu disertakan dengan bahan bukti seperti keratan/salinan media cetak, rakaman, tapak web, sijil dan lain-lain.
7. Pencalonan baharu mestilah bukan penerima anugerah ini bagi tiga tahun sebelum iaitu 2019, 2020 dan 2021.
8. Markah saringan minimum ialah 70%.